



BANTUAN BANJIR

MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (dua dari kanan) melihat kit makanan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang bakal diserahkan kepada mangsa banjir di Terengganu, malam kelmarin. - UTUSAN/MUKHATAR A. RAHMAN

ANUGERAH PINGAT

YANG di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan mengurniakan pingat Kesatria Mangku Negara kepada Asisten Komisioner Sulaiman Salleh pada Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Persekutuan 2015 di Istana Negara, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA



TANGGUNGJAWAB SOSIAL

PEMILIK Pasar Raya Borong Matahari, Chong Joo Kheang beramah mesra bersama anak-anak Kampung Datuk Harun ketika Majlis Meraihan 'Matahari Kids Club' Kampung Datuk Harun, Petaling Jaya, Selangor, semalam. - BERNAMA



TAJAAN AKHBAR

PRESIDEN dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM Holdings Berhad, Datuk Dr. Sheikh Awab Sheikh Abod (kiri) menyerahkan tajaan akhbar Utusan Malaysia sempena Maulidur Rasul kepada Pengurus Besar Pemasaran dan Pengerangan Kumpulan Utusan, Rosman Zulkifli di pejabat MSM di Menara Felda di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD. NAIM AZIZ



BANTUAN PERSEKOLAHAN

TIMBALAN Menteri Pelancongan yang juga Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermeyati Shamsudin beramah mesra dengan sebahagian daripada murid yang menerima bantuan persekolahan daripada Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (Tapem). Jabatan Ketua Menteri Melaka bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu dan Tanjung Bidara di Tanjung Bidara, Melaka, semalam. - UTUSAN/AZLI AHAD